

KEMALANGAN DIRI

GEN SINAR



Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)



INSURANS DENGAN MISI

Gen Sinar ialah pelan insurans kemalangan diri yang mampu milik, direka untuk melindungi keluarga yang terdedah dari segi kewangan akibat kehilangan pendapatan. Pelan ini menyediakan perlindungan kewangan sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan atau hilang upaya kekal terhadap pencari nafkah, bagi memastikan anak-anak dapat meneruskan pendidikan tanpa gangguan.

MANFAAT

Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan atau hilang upaya kekal akibat kemalangan ke atas orang yang diinsuranskan, manfaat berikut akan dibayar:



Bantuan Kewangan Segera

Bayaran segera sebanyak **RM20,000** kepada keluarga.



Elaun Pendidikan

Pembayaran bulanan sebanyak **RM250 bagi setiap anak** yang mengikuti pendidikan sepenuh masa sehingga berumur 18 tahun, dengan jumlah keseluruhan pembayaran sehingga maksimum **RM100,000**, tanpa mengira bilangan anak.

JADUAL MANFAAT

Manfaat	Jumlah yang Diinsuranskan
Kematian Akibat Kemalangan	RM20,000
Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	RM20,000
Elaun Pendidikan	RM250 setiap bulan bagi setiap anak yang mengikuti pendidikan sepenuh masa sehingga berumur 18 tahun, sehingga maksimum RM100,000 secara keseluruhan.

AMANAHRAYA

AmanahRaya ialah pemegang amanah yang dilantik dan bertanggungjawab untuk menguruskan pembayaran bulanan Elaun Pendidikan kepada keluarga yang terjejas. Sebagai syarikat pemegang amanah awam tunggal di Malaysia, AmanahRaya dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia dan beroperasi di bawah seliaan Kementerian Kewangan (Diperbadankan).

Semua pembayaran elaun pendidikan ini diuruskan oleh AmanahRaya selaras dengan peruntukan Suratikatan Amanah yang dimeterai, bagi memastikan pengagihan yang teratur demi kesinambungan pendidikan anak-anak pemegang polisi.



Manfaat Eksklusif Pelancaran Produk: Konsultasi Teleperubatan Percuma

Konsultasi dengan profesional penjagaan kesihatan bertauliah melalui panggilan telefon atau panggilan video, sehingga **2 sesi** setahun (bernilai sehingga **RM60 bagi setiap sesi**), tersedia untuk tempoh terhad.

LINDUNGI PENDIDIKAN DAN MASA DEPAN ANAK-ANAK ANDA DENGAN SERENDAH RM8 SEBULAN*

*Jumlah yang perlu dibayar bagi tahun pertama ialah RM91.28 dan RM59.40 bagi tahun berikutnya, termasuk duti setem (pemindahan hak kepada Pemegang Amanah dan Suratikatan Amanah) dan 8% cukai perkhidmatan.



IMBAS KOD QR UNTUK KETAHUI LEBIH LANJUT

JADUAL PREMIUM

Butiran Premium	Tahun 1	Tahun Seterusnya
Premium Perlindungan Standard**	RM66.00	RM55.00
Cukai Perkhidmatan (8%)	RM5.28	RM4.40
Duti Setem (Pemindahan hak kepada Pemegang Amanah)	RM10.00	Nil
Duti Setem (Suratikatan Amanah)	RM10.00	Nil
Jumlah Bayaran	RM91.28	RM59.40

**Premium adalah termasuk komisen sebanyak 15% sekiranya polisi diperolehi melalui perantara

SENARIO PEMBAYARAN (Untuk tujuan ilustrasi sahaja)



LANJUTAN KHAS

- Sukan Amatur
- Kehilangan
- Lemas
- Pendedahan
- Keracunan Makanan dan/atau Minuman
- Rampasan
- Menunggang Motosikal
- Pembunuhan dan Serangan
- Gigitan Ular atau Serangga Berbisa (tidak termasuk Gigitan Nyamuk)
- Lemas Akibat Asap, Wasap atau Gas Beracun

PENGECCUALIAN UTAMA

Gen Sinar tidak meliputi:

- Tindakan menyalahi undang-undang atau kecederaan diri yang disengajakan
- Keadaan sedia ada
- HIV/AIDS dan penyakit berkaitan
- Penggunaan dadah (kecuali yang dipreskripsi)
- Kehamilan atau kelahiran
- Sukan ekstrem dan pekerjaan berbahaya
- Perang atau Pemberontakan
- Perkhidmatan ketenteraan

Sila rujuk dokumen polisi untuk senarai penuh Lanjutan Khas dan Pengecualian Utama.

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Siapakah yang layak untuk Gen Sinar?

Pelan ini tersedia untuk warganegara Malaysia atau pemastautin tetap yang berumur antara 18 hingga 65 tahun. Ia direka khas untuk pencari nafkah utama yang menyara keluarga rentan terhadap risiko kewangan.

2. Apa yang berlaku sekiranya Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia?

Satu jumlah sekaligus sebanyak RM20,000 akan dibayar kepada penama, dan RM100,000 akan dibayar kepada AmanahRaya untuk menguruskan pembayaran elaun pendidikan bulanan bagi setiap anak.

3. Bagaimanakah pembayaran bulanan diuruskan?

Pembayaran dipegang sebagai amanah dan diuruskan oleh AmanahRaya bagi memastikan pengagihan yang selamat dan telus.

4. Bagaimanakah elaun pendidikan dibayar?

Pemegang Amanah yang kami lantik, iaitu AmanahRaya, akan mengagihkan RM250 sebulan bagi setiap anak yang mengikuti pendidikan sepenuh masa sehingga umur 18 tahun. Sebarang baki yang masih ada akan diagihkan sama rata secara sekaligus kepada semua anak yang masih hidup apabila anak bongsu mencapai umur 18 tahun.

5. Bolehkah saya batalkan polisi?

Anda hanya boleh membatalkan polisi ini dengan kebenaran bertulis dari AmanahRaya disebabkan oleh pemindahan hak mutlak. Sekiranya AmanahRaya memberikan kebenaran untuk pembatalan, bayaran balik akan diberikan bagi bahagian premium yang tidak digunakan, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat.

6. Apakah tempoh perlindungan?

Polisi ini menyediakan perlindungan selama 12 bulan dan boleh diperbaharui setiap tahun.

7. Adakah terdapat tempoh menunggu sebelum perlindungan bermula?

Perlindungan bermula pada Tarikh Kuat Kuasa yang dinyatakan dalam jadual polisi anda, setelah premium penuh dibayar.

8. Apa yang berlaku jika saya terlepas bayar premium?

Perlindungan tidak akan bermula atau boleh ditamatkan sekiranya premium tidak dibayar sebelum tarikh kuat kuasa.

Generali Insurance Malaysia Berhad

197501002042 (23820-W)

Pusat Khidmat Pelanggan Generali

Level 1, Menara Generali,
27 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

 www.generali.com.my

 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121  customer.service.gi@generali.com.my



Generali Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan:

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465 (Luar Negara: +603 2174 1717) Laman Web BNMLINK: bnm.gov.my/BNMLINK

Risalah ini bukan kontrak insurans. Terma, syarat dan definisi yang tepat dinyatakan dalam polisi insurans.

Nota Penting:

1. Sila baca risalah ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Gen Sinar. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am yang terdapat pada Lembaran Pendedahan Produk.

2. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi kami terus untuk keterangan lanjut.